

MEMO PUSAT DIGITAL BIL.15/2024

KEPADA : SEMUA PELAJAR DAN STAF UNISEL

**DARIPADA : PENGARAH
PUSAT DIGITAL**

TARIKH : 16 DISEMBER 2024

NO.RUJUKAN : UNISEL/DIGITAL/2024/300 (15) SA

**PERKARA : PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN E-MEL RASMI PELAJAR
UNIVERSITI SELANGOR**

Assalamua'laikum Wrt. Wbt. & Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Universiti Selangor telah menyediakan kemudahan e-mel rasmi kepada pelajar melalui platform *Google Workspace* bermula Ogos 2024. Semua pelajar telah didaftarkan di domain rasmi e-mel pelajar di student.unisel.edu.my.

3. E-mel baharu pelajar boleh diakses melalui <http://email.student.unisel.edu.my> dengan menggunakan maklumat berikut:

e-mel : <nombor pelajar>@student.unisel.edu.my
katalaluan : **nombor Kad Pengenalan (tanpa tanda '-')**

4. Untuk makluman semua, bermula **1 Januari 2025**, e-mel pelajar hanya boleh diakses melalui emel student.unisel.edu.my sahaja. Penggunaan e-mel di istudent.unisel.edu.my akan ditamatkan pada **31 Disember 2024**.

5. Akses kepada portal pelajar iaitu <https://mystudent.unisel.edu.my/> juga hanyalah boleh dibuat setelah pelajar mengaktifkan e-mel rasmi pelajar iaitu student.unisel.edu.my. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar tidak dapat login ke portal pelajar myStudent.

6. Kemudahan perkhidmatan e-mel rasmi melalui *Google Workspace* akan membolehkan pelajar menggunakan *single sign-on* bagi mengakses sistem TCMS, Student Portal dan lain-lain aplikasi yang berkaitan. Pelajar yang tidak mendaftar masuk e-mel baharu, tidak akan dapat mengakses sistem TCMS, Student Portal dan eLearning.

7. Sehubungan itu, semua pelajar dikehendaki untuk membuat pendaftaran masuk ke e-mel rasmi yang telah disediakan bagi tujuan pengaktifan e-mel sebelum 31 Disember 2024.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat Pusat Digital UNISEL di talian 03-5522 3434 (Shah Alam), 03-3280 5190 (Bestari Jaya) atau merujuk terus ke pejabat Pusat Digital.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

"PENERAJU TRANSFORMASI"

Yang benar,



MOHD FARIZ BIN M. JAAFAR

Pengarah
Pusat Digital
Universiti Selangor